

**Muhyiddin Mahu Rakyat Buat Keputusan Bijaksana Pada PRU13**  
**Bernama**  
**20 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini meminta rakyat menilai dan membuat keputusan yang bijaksana pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) 5 Mei ini.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Barisan Nasional (BN) menyeru rakyat memberi sokongan padu kepada calon-calon BN kerana gabungan parti itu mempunyai aspirasi dan visi bagi mengangkat martabat rakyat dan negara menjadi lebih baik dan cemerlang.

"Saya berharap proses pilihan raya dan kempen kali ini berjalan dengan lancar, dan tidak timbul keadaan huru hara yang bukan merupakan adat resam pilihan raya di negara ini sehingga ke hari mengundi.

"Jadi, adalah penting pilihan raya yang sempurna. Insya-Allah BN akan mendapat mandat kembali untuk memimpin kerajaan.

"Pastinya, ia amat bermakna kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan saya harap beliau terpilih sekali lagi di Pekan bagi menerajui negara sebagai Perdana Menteri," katanya semasa ditemu bual secara lintas langsung oleh TV3 di Pagoh, Johor.

Timbalan Pengerusi BN itu juga berkata calon-calon BN akan diberi sokongan padu oleh jentera parti itu bagi memastikan kemenangan di kawasan masing-masing.

"Tempoh dua minggu ini merupakan tempoh yang panjang juga. Kita (BN) kena bekerja keras. PRU kali ini sangat penting. Kita mahu hasil dari kerja keras yang dibuat oleh jentera parti supaya rakyat tahu apakah perjuangan BN. Kita akan beri sokongan padu kepada semua calon," katanya.

Muhyiddin sebelum itu menyerahkan kertas pencalonannya bagi kerusi Parlimen Pagoh pada 9.30 pagi di pusat penamaan di Kompleks Sukan Pagoh.

Beliau sekali lagi berdepan calon PAS Mohd Rozali Jamil yang ditewaskannya pada pilihan raya lepas.

Muhyiddin juga berharap rakyat dapat meneliti dan memahami maksud dan isi kandungan Manifesto atau Aku Janji BN yang berusaha membawa rakyat lebih maju dan berjaya pada masa akan datang.

Beliau juga berpuas hati proses penamaan calon di seluruh negara berjalan lancar.

"Pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya pun cekap membuat proses penamaan. Tidak timbul apa-apa masalah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943693>